



12 APR, 2025

Lelaki warga Sri Lanka maut terkena renjatan elektrik

Sinar Harian, Malaysia



Lelaki warga Sri Lanka maut terkena renjatan elektrik

SHAH ALAM - Mayat warga asing disyaki terkena renjatan elektrik ditemukan di Taman Alam Indah, Seksyen 25, di sini pada Jumaat.

Ketua Polis Daerah Shah Alam, Asisten Komisioner Mohd Iqbal Ibrahim berkata, pihaknya menerima maklumat mengenai kejadian itu jam 10.51 pagi daripada orang awam yang menemukan mayat tersebut.

Beliau berkata, hasil siasatan awal mendapati premis penemuan mayat itu merupakan sebuah stor menyimpan barang-barang pembinaan, selain turut dijadikan tempat tinggal oleh mangsa.

“Pemeriksaan lanjut dalam premis itu mendapati terdapat satu mayat seorang lelaki warganegara Sri Lanka berusia 27 tahun.

“Mangsa dijumpai dalam keadaan tertiarap dengan memakai baju T warna merah ber lengan pendek dan memakai seluar pendek berwarna coklat.

“Siasatan juga menemukan seekor anjing yang mati dipercayai terkena renjatan elektrik di sisi mangsa,” katanya dalam kenyataan pada Jumaat.

Mohd Iqbal berkata, pemeriksaan ke atas badan mangsa mendapati tiada kesan pergelutan dan sebarang kecederaan pada tubuh mangsa yang boleh menyebabkan kematian.

Kata beliau, mayat telah dihantar ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah Klang bagi menjalani proses bedah siasat.

FOTO - PDRM



Seorang warganegara Sri Lanka dan seekor anjing dipercayai maut terkena renjatan elektrik di Taman Alam Indah, Seksyen 25, Shah Alam pada Jumaat.